

**DRAF
TEKS UCAPAN
YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DAMAI SUBANG 1 & 2
SERTA PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL DUN KOTA
DAMANSARA, PARLIMEN SUNGAI BULOH**

**PADA 22 APRIL 2018 (AHAD),
JAM 2.00 PETANG,
DI TAPAK PROJEK PPR DAMAI SUBANG 1, SELANGOR**

Yang saya muliakan,

Saudara Pengacara Majlis,

Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN Kawasan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

Pemimpin-pemimpin masyarakat, penduduk-penduduk di kawasan
Kota Damansara dan tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati.

Assalamualaikum, selamat petang, salam sejahtera dan salam 1
Malaysia.

1. Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama bertemu pada petang yang mulia ini bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Perumahan Rakyat Damai Subang 1 & 2 serta Program Transformasi Sosial, DUN Kota Damansara. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada petang ini di majlis yang amat bermakna ini.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

2. Untuk memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi dan berkualiti selaras dengan Dasar Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi menyediakan perumahan yang mencukupi mengikut keperluan khusus golongan yang memerlukan, meningkatkan keupayaan rakyat bagi memiliki rumah dan membaiki akses kepada penyewaan rumah.

3. Salah satu daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menyediakan rumah mampu milik kepada

rakyat adalah menerusi program Program Perumahan Rakyat (PPR). Pembinaan PPR yang bermula sejak RMKe-8 memberi peluang kepada rakyat yang berpendapatan isirumah tidak melebihi RM3,000 ringgit dan penduduk setinggan untuk memiliki atau menyewa rumah yang selesa pada harga yang amat mampu milik di kawasan-kawasan bandar mahupun pinggir bandar.

4. Di Negeri Selangor sahaja, Kerajaan telah dan sedang membina sebanyak **7,884** unit PPR. Daripada jumlah tersebut sebanyak **5,184** unit rumah PPR telah siap dibina, **1,044** unit sedang dibina dan **1,656** unit dalam perancangan. Kesemua peruntukan bagi PPR di negeri Selangor ini berjumlah **RM743.22** juta.

5. Khusus bagi projek PPR Damai Subang 1 & 2, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak **RM147.4** juta bagi pembinaan **756 unit rumah pangsa** termasuk kemudahan seperti surau, dewan komuniti, tadika dan taska serta kedai dan gerai. Kos bagi membina satu unit rumah PPR ini adalah sebanyak **RM195,000.00** dan akan dijual hanya dengan harga **RM35,000.00**. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan telah memberi **subsidi**

sebanyak RM160,000.00 per unit untuk bakal pembeli dari kalangan rakyat Selangor.

6. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan yang akan menerima rumah PPR ini dapat menghargai dan menjaga sebaik mungkin aset berharga ini agar dapat diduduki dengan selesa dalam jangka masa panjang.

Para Hadirin Yang DiHormati sekalian,

A. *NATIONAL BLUE OCEAN SHIFT (NBOS)*

sebelum ini dikenali sebagai *National Blue Ocean Strategy*

- Diperkenalkan pada tahun 2010 untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat melalui projek-projek luar kebiasaan, dilaksanakan secara kerjasama rentas pelbagai kementerian, jabatan atau agensi persekutuan, negeri dan tempatan serta pihak swasta.
- Projek-projek NBOS juga dilaksanakan dengan segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasai sendiri oleh rakyat jelata, dengan kos yang minimum.

B. PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL

- Program Transformasi Sosial (PTS) diwujudkan bagi tujuan mencapai empat (4) objektif berikut :
 - i. mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program dan aktiviti yang dijalankan;
 - ii. mewujudkan nilai kebertanggungjawaban terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan keselamatan;
 - iii. memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik daripada segi fizikal, mental dan sosial; dan
 - iv. menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program/ aktiviti kesukarelawan.

- PTS dilaksanakan dengan kolaborasi Jabatan-Jabatan di bawah KPKT dan agensi di Kementerian lain. Antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), PLANMalaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), *Solid*

Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp), Jabatan Landskap Negara (JLN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri.

- PTS merangkumi program-program berikut :
 - i. **Program MyBOMBA JPP / Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM. Penduduk membantu menjaga pili bomba, menangani kes-kes kebakaran kecil dan sebagai agen penggerak dalam mewujudkan komuniti yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap budaya keselamatan kebakaran;
 - ii. **Program Bandar Selamat** untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM dan AMANITA. AMANITA (anggota polis wanita) menarik suri rumah sebagai Rakan AMANITA untuk menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku;
 - iii. Program ***Communication for Behavioural Impact (COMBI)*** atau **Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku** adalah bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti

pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi. Penyakit demam denggi merupakan salah satu penyakit yang sinonim dengan penduduk bandar. Pelbagai inisiatif dilakukan oleh agensi kerajaan bagi membendung penyakit tersebut. Melalui program *COMBI*, penduduk dapat menjalankan aktiviti gotong-royong secara berkala bagi membersihkan kawasan kediaman dengan memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk *Aedes* di kawasan tempat tinggal serta mengamalkan gaya hidup sihat.

- iv. **Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*) melalui peraturan pengasingan sisa pepejal di punca yang telah dilancarkan pada 1 September 2015 yang lalu merupakan pelan strategik jangka panjang KPKT untuk mewujudkan sebuah pengurusan sisa pepejal yang mampan. Selain itu, ia juga dapat membantu pihak Kerajaan untuk mencapai sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22% menjelang tahun 2020. Amalan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca adalah merupakan tanggungjawab kita bersama terhadap negara dan generasi akan datang bagi memastikan persekitaran yang lebih bersih, sihat dan sejahtera.

Aktiviti kitar semula ini juga boleh membantu

menambah sumber pendapatan isi rumah sekiranya barangan kitar semula yang dikumpulkan tadi dijual kepada pusat-pusat kitar semula. Surat khabar, kertas, kotak, logam, botol plastik dan kaca, semua yang diasingkan daripada sampah basah dan kotor seperti sisa dapur, sisa makanan, lampin dan sebagainya bukan sahaja bernilai malah dapat membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan jumlah sisa yang dilupuskan di tapak pelupusan.

- v. **Program Rakan Taman** untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan dijadikan amalan menjaga, memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf. Sambil beriadah setiap hari kita juga boleh mengawasi keadaan taman dan menjaga kebersihannya sekali. Sekali sekala kita boleh bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil atau melakukan apa yang patut untuk meningkatkan keceriaannya.

Program PTS bagi DUN Damansara melibatkan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Zon 29, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

7. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih Ketua-ketua Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri, pemimpin-pemimpin masyarakat, tuan-tuan

dan puan-puan yang turut serta menjayakan majlis pada petang ini.

Sekian.

**Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**

